

# Tanamkan sifat 2R, tangani isu sisa buangan



PENGIRAN Anak 'Alisha Husnara Jaida Bulqiah binti Pengiran Anak Haji Abdur' Ali Yil-Kabier (tengah) turut serta di dalam salah satu aktiviti A SustainaBRU.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB).  
Jumaat, 30 Ogos. - Kumpulan Pegawai Eksekutif Muda Kohot-4, A SustainaBRU Project mengadakan Program Kesedaran tentang Pengurusan Sisa Buangan (Waste Management) di Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan

Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB).

Program yang diadakan Rabu lepas, 28 Ogos bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menanamkan sifat 2R, iaitu 'Refuse' dan 'Reduce' dalam penggunaan barangan pakai-buang

(single-use disposables) seperti beg plastik dan straw plastik dan kesannya terhadap alam sekitar.

A SustainaBRU Project merupakan program inisiatif sekumpulan Pegawai Eksekutif Muda Kohot-4 yang pada masa ini berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam dalam sama-sama melestarikan alam sekitar dan meningkatkan kesedaran kepada masyarakat. Salah satu program yang diungkapkan ialah untuk menanam konsep 2R tersebut di kalangan murid-murid KG3 TASKA YSHHB melalui taklimat dan nyanyian.

Program berkenaan disertai secara aktif oleh murid-murid dan guru-guru TASKA YSHHB termasuk cucunda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Haja Masna, Pengiran Anak 'Alisha Husnara Jaida Bulqiah binti Pengiran Anak Haji 'Abdul 'Ali Yil-Kabier. Program diakhiri dengan

Siaran Akbar dan Foto : Kumpulan A SustainaBRU Project

pertandingan mewarna dan penyampaian hadiah kepada para pemenang oleh Pengetua TASKA YSHHB, Datin Hajah Zainab binti Haji Abd. Wahab.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai A SustainaBRU Project, boleh mengikuti mereka di Instagram di @asustainabru.project.



MURID-murid TASKA YSHHB semasa mendengarkan taklimat 'Reduce' dan 'Refuse'.

## Raikan graduan UNISSA

Siaran Akbar : Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Foto : Ihsan Borneo Bulletin

**GADONG,** Khamis, 29 Ogos. - Seramai 50 graduan menerima pingat atau hadiah-hadiah buku universiti semasa berlangsungnya Majlis Malam Graduan bersempena dengan Majlis Hafli Al-Takharruj Ke-9 UNISSA, berlangsung di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Pingat yang tertinggi adalah Pingat Universiti yang diberikan kepada empat orang graduan yang memperoleh Kepujian Kelas Pertama, iaitu Dayang Dewi Erika

binti Samidi, Sarjana Muda Usuluddin, (Tafsir & Hadith); Dayang Syazana Syafiqah Adilah binti Haji Mahdini, Sarjana Muda Undang-Undang & Sarjana Muda Perundungan Syariah; Dayang Syazana binti Hussain, Sarjana Muda Bahasa Arab, Minor Halal Science; dan Awang Mohammad Bahauddin bin Haji Abu Bakar, Sarjana Muda Bahasa Arab.

Selain itu, seramai sembilan penerima bagi Hadiah Buku Universiti bagi kategori graduan yang mempunyai pencapaian akademik yang sangat cemerlang dalam setiap program bagi tahun akhir; manakala seramai 28 penerima bagi Hadiah Buku Universiti bagi kategori pelajar cemerlang dalam program setiap tahun pengajian program ijazah, selain tahun akhir; empat penerima Kursus Al-Quran Al-Karim (Aliran Arab); empat penerima Kursus Al-Quran Al-Karim (aliran Inggeris); dan seorang penerima Kursus Melayu Islam Beraja.

Acara kemuncak bagi majlis itu ialah pengucerahan pingat dan hadiah buku kepada para graduan juga mahasiswa yang memperoleh pencapaian cemerlang dalam setiap program yang diikuti.

Majlis yang merupakan acara

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman bersempena dengan Hafli Al-Takharruj Ke-9 UNISSA.

tahunan UNISSA bagi meraikan para graduan juga mahasiswa yang cemerlang di sepanjang pengajian mereka di UNISSA, antara lain mempunyai objektif untuk memberi penghargaan kepada para graduan dan mahasiswa atas segala pencapaian dan kecemerlangan di sepanjang pengajian mereka di UNISSA, di samping untuk menjadi motivasi kepada para mahasiswa agar terus berusaha dengan gigih untuk mencapai kecemerlangan dalam merealisasikan visi dan misi UNISSA.

Sebelum acara bermula,

ayat-ayat suci Al-Quran dibacakan oleh Graduan Sarjana Muda Usuluddin, Awang Muhammad Syahirul Syafiq bin Rashid.

Antara yang hadir, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Ohthman; Ahli-ahli Majlis UNISSA; Timbalan Menteri Pendidikan; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha-setiausaha Tetap; juga Perwakilan Ketua-ketua Institusi dan Universiti Luar Negara.

## UNISSA kembangkan jaringan strategik

**GADONG,** Khamis, 29 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus mengorak langkah ke hadapan untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan penyelidikan, dalam usaha untuk memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat di negara ini juga peringkat antarabangsa.

Untuk mencapai matlamat tersebut, UNISSA menandatangani lapan Memorandum Persefahaman (MoU) dan dua Memorandum Perjanjian (MoA) semasa berlangsungnya Majlis Makan Malam bagi meraikan graduan-graduan UNISSA sempena Majlis Hafli Al-Takharruj Ke-9 UNISSA di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun,

dini.

Penandatanganan tersebut adalah antara UNISSA bersama Arkib Negara Brunei Darussalam; Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) Malaysia; Mindanao State Universiti Iligan Institute of Technology Filipina; Mindanao State University General Santos City Filipina; Institut Agama Indonesia; Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya Indonesia; dan Universitas Islam Negeri Sultan Maulana Hasanuddin Banten Indonesia.

Manakala MoA akan ditandatangani dengan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia; dan Institut Agama Islam Negeri Pontianak Indonesia.

Menandatangi bagi pihak

UNISSA, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norfar bin Haji Zainal dan disaksikan oleh tetamu kehormat majlis, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, manakala mewakili institusi terlibat, pemimpin-pemimpin institusi atau universiti berkenaan.

Penandatanganan MoU dan MoA tersebut adalah selaras dengan usaha UNISSA untuk memperkembangkan jaringan strategik dengan dunia luar dan meningkatkan lagi reputasi UNISSA dalam bidang pengajian Islam, penyelidikan, keusahawanan dan pengurusan juga memantapkan lagi kedudukannya di arena pendidikan dalam dunia global.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman ketika menyampaikan Pingat Universiti dan sijil kepada Dayang Syazana Syafiqah Adilah binti Haji Mahdini, Sarjana Muda Undang-Undang & Sarjana Muda Perundungan Syariah yang memperoleh Kepujian Kelas Pertama.



REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norfar bin Haji Zainal mewakili UNISSA sejurus menandatangani memorandum persefahaman bersama Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) Malaysia dengan disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.